

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN (GAMBIR)
SOALAN 1 (A34)**

Mohon nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan pemilikan rumah oleh golongan berpendapatan sederhana dan rendah di negeri Johor.

**YB DATUK ZAHARI BIN SARIP (BULUH KASAP)
SOALAN 2 (A224)**

Minta kerajaan menyatakan komitmen kerajaan dalam menyediakan rumah mampu milik rakyat Johor dengan mengambilkira keadaan ekonomi rakyat dan negeri.

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD
(Jawapan bersekali untuk soalan A34 & A224)**

Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan telah meletakkan komitmen sepenuhnya bagi mencapai sasaran penyediaan 100,000 unit Rumah Mampu Biaya menjelang tahun 2023 bagi membantu golongan berpendapatan sederhana dan rendah di negeri Johor untuk memiliki kediaman.

Kerajaan sedar kekangan terbesar yang dihadapi adalah kos pembangunan bagi perumahan mampu biaya. Namun, kerajaan telah menggariskan 4 strategi bagi menampung kekurangan tersebut. Berikut merupakan strategi yang akan dilaksanakan:

1. Pengambilan Balik Tanah (PBT)

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 87 juta bagi mengambil balik tanah-tanah melalui PBT. Melalui pengambilan balik tanah-tanah ini, kerajaan akan membina perumahan mampu biaya di atas tanah-tanah tersebut. Tanah-tanah ini akan dimajukan oleh GLC Negeri Johor bagi pembangunan rumah mampu biaya.

2. Pembangunan Rumah Mampu Biaya oleh pemaju swasta

Dengan usahasama yang erat bersama pihak pemaju swasta, setiap pembangunan yang akan dibina oleh pihak pemaju perlulah menyediakan komponen perumahan mampu biaya sebanyak 40% bagi setiap pembangunan yang dimajukan. Perkara ini telah diperkukuhkan lagi melalui kajian semula Dasar Perumahan Rakyat Johor yang baru. Dasar Perumahan Rakyat Johor 2.0 ini akan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.

3. Usahasama antara kerajaan negeri bersama kerajaan persekutuan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

Melalui penyediaan dana RM 1.5 bilion yang telah diumumkan oleh kerajaan persekutuan bagi membina dan menyiapkan rumah mampu milik di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), PR1MA dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB). Kerajaan negeri menyambut baik dan mengalu-alukan usahasama kerajaan persekutuan bagi memenuhi impian rakyat untuk memiliki kediaman yang selesa serta harga yang berpatutan.

4. Projek-projek Penswastaan

Antara strategi kerajaan dalam menambah lagi bilangan rumah mampu biaya adalah melalui kaedah projek penswastaan. Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan GLC Negeri Johor serta pemaju-pemaju swasta bagi menampung permintaan rumah mampu biaya di seluruh negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB PUAN ZAITON BIN ISMAIL (SG. BALANG)
SOALAN 3 (A14)**

Adakah kerajaan akan terus melaksanakan Program Keluarga Sakinah atau seumpamanya.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Ya, Kerajaan Negeri Akan meneruskan. Untuk makluman Yang Modul Keluarga SAKINAH (MKS) merupakan Modul Keibubapaan yang berteraskan panduan daripada Al-Quran dan Hadis yang bertujuan untuk memberikan panduan dan maklumat lengkap kepada semua lapisan masyarakat dalam membentuk sebuah institusi keluarga yang berlandaskan ajaran Islam sebenar.

Modul ini telah dibangunkan secara bersama antara Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, Jabatan Mufti Negeri Johor dan Jabatan Agama Islam Johor pada tahun 1999.

Perlaksanaan MKS adalah di bawah tanggungjawab Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim yang telah melaksanakan dalam pelbagai kaedah penyampaian. Selain menyampaikan dalam medium ceramah, modul ini juga disampaikan dalam bentuk program atau aktiviti mengikut kumpulan sasar seperti Program Remaja SAKINAH (khas untuk pelajar sekolah dan belia), Permata SAKINAH (ibu hamil), Nostalgia Perkahwinan (Pasangan berkahwin lebih 10 tahun), Selangkah Seiring Jalan (Pasangan berkahwin bawah 5 tahun) selain melaksanakan program-program pengamalan seperti bercukur, Penyerahan Taklif, Aqiqah Berkelompok dan sebagainya.

Secara keseluruhannya program MKS ini adalah satu program yang sangat baik terutamanya dalam usaha mengukuhkan institusi keluarga dan menangani gejala sosial di Negeri Johor. Kerajaan negeri bukan sahaja akan meneruskan program ini malah akan memperkasakan modul ini dengan membuat penambah baik dari segi pengisian di dalam modul ini terutamanya mengambil kira isu-isu semasa yang berlaku di dalam masyarakat Islam seperti perceraian, keganasan terhadap wanita dan sebagainya. Antara cadangan penambahbaikan yang akan diberi perhatian adalah mewujudkan Modul Kaunseling Keluarga dan Syifa Keluarga SAKINAH untuk menangani isu perceraian dan keganasan rumah tangga.

Contoh program SAKINAH Perdana di beberapa buah daerah seperti;

- i) Program Kembara SAKINAH Pontian pada 16 Oktober 2018
- ii) Program Seminar Pengurusan Harta Kota Tinggi pada 29 Oktober 2018
- iii) Program Remaja SAKINAH Perdana Daerah Kluang pada 30 Oktober 2018
- iv) Program Kembara SAKINAH Muar pada 4 November 2018

Program Lain diurusakan oleh Jabatan Agama Islam pula terdapat 2 peringkat:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

1. Peringkat Negeri Johor
 - 1.1. Program Pembangunan Keluarga
 - 1.1.1. Seminar Isu Kekeluargaan
 - 1.1.2. Rumahku Syurgaku
 - 1.1.3. Setulus Fitrah Cinta
 - 1.2. Program Pembangunan Sosial
 - 1.2.1. Sentuhan Qalbu
 - 1.2.2. Masyarakatku Sayang
 - 1.2.3. Anakku Sayang
2. Peringkat Daerah
 - 2.1. Jom Jadi Anak Soleh
 - 2.2. Remaja Gen Q
 - 2.3. Keluarga Cemerlang Ummah Gemilang

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 4 (A72)**

Adakah kerajaan negeri Johor akan membina insenerator di Johor sebagai salah satu penyelesaian kepada isu pelupusan sampah yang semakin serius?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Pembinaan incinerator adalah salah satu penyelesaian *waste to energy* (WTE) kepada isu pelupusan sampah yang semakin serius. Loji incinerator adalah salah satu teknologi rawatan sisa pepejal.

Namun, Waste to Energy (WTE) bukan sahaja ialah dalam bentuk incinerator. Di dalam proses pengurusan sisa pepejal, waste to energy (WTE) adalah merujuk kepada proses pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang merawat sisa bagi menghasilkan tenaga seperti elektrik, haba dan bahan api kenderaan seperti diesel.

WTE ini mempunyai berbagai teknologi sama ada process secara kimia ataupun biologi. Melalui proses secara thermal teknologi, WTE melibatkan proses thermokimia (Thermochemical Conversion) iaitu Combustion, Gasification, Pyrolysis dan Refuse Derived Fuel (RDF). Melalui proses ini, ianya akan menghasilkan produk-produk seperti Gas Panas (Hot Gass) Syngas, Liquid oil, Char dan juga RDF pellet. Seterusnya produk - produk ini akan ditukarkan kepada tenaga haba, elektrik dan bahan api. Manakala melalui proses non-thermo teknologi, WTE melibatkan proses Fermentation dan Anaerobic Digestion. Melalui proses ini, ianya menghasilkan biogas, bioethanol dan digestate yang mana dapat ditukarkan menjadi sumber tenaga baharu.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal telah merancang untuk membina loji rawatan sisa pepejal yang berkonsepkan waste to energy (WTE) antaranya seperti incinerator dan anaerobic digester (AD) terutama di kawasan-kawasan yang mempunyai jumlah penajaan sisa yang tinggi seperti Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Melaka, dan Johor bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal dilupuskan ke tapak pelupusan.

Namun, Kerajaan Negeri Johor juga akan membuat kajian tersendiri untuk menyelesaikan masalah tapak pelupusan sedia ada yang semakin penuh. Sekiranya Kerajaan Negeri mempunyai keputusan membina loji WTE, Kerajaan Negeri akan mengemukakan cadangan baru kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bekerjasama dengan Federal untuk menyelesaikan pengurusan sisa pepejal yang semakin mencabar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB KAPT. (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 5 (A97)**

Adakah kerajaan negeri bercadang melalui agensi tertentu untuk menggalakkan penyertaan bumiputera di bandar-bandar dengan menyediakan ruang niaga atau rumah kedai dalam kadar tertentu sekiranya ada kuota?

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Antara agensi yang menyediakan ruang niaga atau rumah kedai kepada para usahawan Bumiputera ialah :-

1. Perbadanan Islam Johor (PIJ)

Selaras dengan objektif utama PIJ iaitu membangunkan ekonomi umat Islam khususnya di negeri Johor, PIJ ada menyediakan rumah kedai dan ruang pejabat untuk disewakan kepada usahawan Islam. Rumah kedai dan ruang pejabat PIJ berada di beberapa lokasi seperti berikut :

i) Lot Pejabat

Bil	Jenis Pejabat/ Rumah Kedai	Daerah/ Lokasi	Jumlah Lot/ Unit
1	Ruang Pejabat	Bangunan PIJ, Jalan Rebana Kebun Teh	74
2	Ruang Pejabat	Bangunan PIJ Holdings, Jalan Bukit Timbalan	5
		JUMLAH	79

ii) Rumah Kedai

Bil	Jenis Pejabat/ Rumah Kedai	Daerah/ Lokasi	Jumlah Lot/ Unit
1	Rumah Kedai	Jalan Bandar Baru 8, Taman Bandar Baru, 86100 Ayer Hitam	4
2	Rumah Kedai	Jalan Pesona 2, Taman Pesona, 86000 Kluang	4
3	Rumah Kedai	Jalan Rebana Kebun Teh	9
4	Rumah Kedai	Bandar Baru Uda	13
		JUMLAH	30

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

iii) Inkubator

Bil	Jenis Pejabat/ Rumah Kedai	Daerah/ Lokasi	Jumlah Lot/ Unit
1	Ruang Pejabat	Bandar Baru Uda	21
2	Ruang Pejabat	Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang	18
		JUMLAH	30

**Jumlah keseluruhan Ruang Pejabat dan Rumah Kedai dibawah kendalian PIJ adalah sebanyak 109 Unit.*

**Jumlah keseluruhan Inkubator dibawah kendalian PIJ adalah sebanyak 30 Unit.*

Kadar sewa yang dikenakan oleh PIJ adalah berpatutan dan lebih rendah daripada harga pasaran semasa. Pada masa kini semua rumah kedai dan ruang pejabat PIJ di lokasi yang dinyatakan di atas telah **85 peratus disewakan**.

2. Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB)

Kerajaan Negeri Johor melalui Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) telah melantik Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd melalui Unit Infra Struktur dan Hasil untuk mengurustadbir lot-lot komersial berjumlah 250 unit milik kerajaan negeri di sekitar Negeri Johor. Pecahan unit-unit tersebut adalah seperti yang berikut:-

- i) 3 unit di Taman Johor Jaya,
- ii) 9 unit di Mersing,
- iii) 80 unit Kedai Pejabat Kluang,
- iv) 55 unit Kluang Junction (dahulu dikenali sebagai Pekan Rabu Kluang),
- v) 2 unit Desa Sejahtera Kota Tinggi,
- vi) 36 unit di Desa Rakyat Pasir Gudang,
- vii) 2 unit di Nusantara Prima,
- viii) 22 unit di Mutiara Rini dan
- ix) 41 unit di Eco Cascadia.

Dari jumlah ini, sebanyak **124 unit telah disewakan kepada bumiputera** iaitu 38 unit Kluang Junction, 1 unit Johor Jaya, 3 unit di Mersing, 43 unit Kedai pejabat Kluang, 2 Desa Sejahtera Kota Tinggi, 35 unit Desa Rakyat Pasir Gudang dan 2 unit di Mutiara Rini.

Kadar sewa adalah berpatutan dan mengikut penilaian Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Negeri Johor.

3. B5 Johor Street Market

Untuk makluman, **Damansara Assets Sdn Bhd (DASB)** iaitu anak syarikat milik penuh **Johor Corporation (JCorp)** dipertanggungjawabkan untuk menguruskan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

ruang niaga di kawasan bandar dan juga luar bandar di negeri Johor yang terdiri dari pusat membeli-belah, pasaraya, pusat perniagaan, pasar segar dan bazar sebagaimana berikut :

- Komtar JBCC
- Galleria@Kotaraya
- Pasaraya Komuniti @mart Kempas
- Pusat Perniagaan Taman Dahlia (PPTD)
- Larkin Sentral

PENGLIBATAN USAHAWAN BUMIPUTERA

JCorp melalui DASB telah mengambil langkah penting dalam menggalakkan penyertaan usahawan bumiputera dengan menyediakan ruang niaga di lokasi yang strategik di pusat bandar Johor Bahru.

Dengan adanya kompleks-kompleks yang terletak di dalam lokasi yang strategik tersebut dapat memberi lebih banyak ruang dan peluang untuk Bumiputera berniaga dan lebih berdaya saing.

Pihak DASB mengamalkan konsep terbuka iaitu semua penyewa akan dikenakan kadar sewa yang sama didalam satu bangunan. Walaubagaimana pun, kadar sewa ruangniaga yang dikenakan ini adalah **15 % lebih rendah** berbanding dengan kadar sewa di bangunan lain yang serupa dengannya.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2018 bilangan penyewa bumiputera di pusat beli-belah dan ruang niaga telah meningkat kepada 711 (1.5%) usahawan bumiputera daripada 700 usahawan bumiputera pada tempoh yang sama Januari hingga Oktober 2017 sebagaimana berikut :-

Bangunan	Luas Boleh Disewa (kp)	Jumlah Lot	Jan - Okt 2017	Jan - Okt 2018	% Lot Bumi 2017 vs 2018
			Bil Lot Bumi	Bil Lot Bumi	
Komtar JBCC	377,720	150	23	19	-21.1%
@Mart Kempas	98,756	210	112	109	-2.8%
Galleria@ Kotaraya	184,503	91	63	58	-8.6%
Pusat Perniagaan Tmn Taman Dahlia	114,088	368	182	202	9.9%
Larkin Sentral	112,907	573	320	323	0.9%
JUMLAH	887,974	1,392	700	711	1.5%

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

PEMBANGUNAN AKAN DATANG

Manakala bagi pembangunan akan datang, dijangkakan sebanyak 240 lagi ruang niaga akan diwujudkan dan peluang kepada usahawan bumiputera untuk bersaing didalam perniagaan dikawasan bandar sebagaimana berikut :

No	Bangunan	Keluasan Boleh Disewa (kp)	Jumlah Lot
1	B5 Johor Street Market	57,333	226
2	Persada Annex	35,811	14
JUMLAH		93,144	240

Untuk makluman Yang Berhormat, Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) iaitu salah satu syarikat di bawah Divisyen Hartanah Johor Corporation, yang terlibat dalam pembangunan dan pengurusan hartanah Komersil. DASB dipertanggungjawabkan untuk membangunkan pusat membeli-belah yang bakal dikenali sebagai “B5 Johor Street Market”, di Pusat Bandar Tampoi yang juga terletak dalam koridor Iskandar Malaysia. Dengan berkonsepkan sebuah pusat komersil pelancongan setempat (Centralise Retail Tourism) dimana ia bakal menjadi ikon Johor dan Malaysia. Projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2019.

Dengan keluasan 5.861 ekar (Plot 1), konsep pembangunan B5 Johor Street Market ini diinspirasikan dari Queen Victoria Market yang merupakan salah satu tarikan pengunjung di Melbourne, Australia dan diterapkan dalam konteks tempatan berdasarkan aspirasi untuk 'Mengimbuai Warisan Lama Johor' dengan menjadikannya sebagai lokasi ikonik kepada penduduk tempatan dan tumpuan pelancong di Johor Bahru. Justeru, reka bentuk, persekitaran dan suasana yang menampilkan ciri-ciri zaman lama Johor akan di tonjolkan bagi mengimbuai kembali pesona Johor.

B5 Johor Street Market ini mempunyai keluasan lantai kasar (GFA) 101,181 kaki persegi dan keluasan lantai bersih (NLA) 57,333 kaki persegi serta menawarkan lebih 226 ruang niaga. Terdapat **5 komponen utama** yang bakal diterapkan dalam pembangunan projek ini iaitu:-

1. Retail Bazar – untuk sewaan tetap dan berkala;
2. Box Park – konsep kontena bagi pengusaha produk yang inginkan kelainan;
3. Ruang makanan dan minuman (F&B) – khusus untuk selera Johor
4. 'Food Truck' atau Kendera Saji – khusus makanan dan minuman masa kini yang moden dan 'authentic';
5. Ruang Kebudayaan dan Keseniaan – persembahan budaya, demonstrasi pembuatan produk atau makanan tradisional, ruang latihan kumpulan-kumpulan penggiat seni dan sebagainya.

Dengan sebanyak 226 unit ruang niaga, 32 ruang niaga telah pun disahkan penyewaannya. Permohonan yang diterima adalah melebihi jangkauan dan saringan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

temuduga dibuat untuk memilih yang terbaik bagi merealisasikan Pusat Komersil Pelancongan Setempat ini.

Kategori ruang niaga di B5 Johor Street Market adalah seperti berikut :-

Kategori	Unit	Keluasan(kp)
Retail	43	250 – 4,500
Kiosk	44	148
Push Cart	13	23
Food Court	6	253
Warung Tarik	6	23
Bazar	47x2	100
Box Park/ Container	11	20x20 40x20
Food Truck	9	-
TOTAL	226	

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 6 (A144)**

Apakah inisiatif dan rancangan Kerajaan Negeri Johor dari segi Sumber Manusia untuk menyediakan bakat untuk Revolusi Industry 4.0 tersebut?

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Salam Sejahtera dan Salam Harapan diucapkan kepada ahli Dewan Yang Mulia ini, Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat di pihak Kerajaan mahupun Pembangkang, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Seperti yang sedia maklum, pada Oktober 2018 yang lalu, pihak Kerajaan Persekutuan telah pun melancarkan polisi kebangsaan bagi menghadapi lonjakan revolusi industri 4 iaitu Industry 4WRD. Dengan menghalakan polisi tersebut kepada 5 fokus utama iaitu dengan izin, F.I.R.S.T (*Funding, Infrastructure, Regulation, Skills @Talent, Technology*).

Susulan daripada pelancaran polisi kebangsaan itu juga, Belanjawan Negara 2019 turut mensasarkan beberapa inisiatif terutamanya di dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan dan kemahiran tenaga kerja berkaitan Industri 4.0. Antaranya seperti pengenaan potongan cukai sebanyak 2 kali kepada syarikat yang membiayai biasiswa latihan dan menyertai Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi Industri 4.0.

Manakala di peringkat Kerajaan Negeri Johor, usaha menghadapi peralihan industri ini telah dimulakan awal lagi. Program usahasama antara Unit Strategik Modal Insan Johor dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan SME Corp dalam memperkenalkan dan memberi kesedaran di kalangan penggiat industri dan penyedia latihan telah diadakan di dalam Program Johor Towards IR 4.0. Hampir 100 penggiat industri terutamanya daripada perusahaan kecil dan sederhana telah hadir ke dalam program tersebut.

Selain itu, maklumbalas terhadap lonjakan Industri 4.0, satu jawatankuasa kecil telah ditubuhkan di peringkat Kerajaan Negeri Johor bagi mengumpul maklumat dan membincangkan inisiatif dalam membangunkan dan mengembangkan bakat bagi peralihan industri setempat. Bukan sahaja bakat belia tempatan, malah kemahiran dan ilmu di kalangan tenaga pengajar turut diperkasakan. Kita jangkakan program pemindahan kepakaran daripada industri kepada institusi latihan dengan izin, (*train-the-trainer*) pada tahun depan akan membantu menyediakan lagi bakat tempatan di dalam menghadapi industri 4.0 di samping program perantisan di kalangan penggiat industri Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 7 (A149)**

Apakah sebab Kerajaan membenarkan bil perkhidmatan pemetungan Indah Water Konsortium (IWK) disatukan dengan bil air SAJ.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui surat bertarikh 13 September 2018 kepada YB. Setiausaha Kerajaan Johor, memaklumkan bahawa pihak kementerian sedang berusaha memperluaskan pelaksanaan pengebilan bersepadu (Joint Billing) bagi perkhidmatan bekalan air dan pemetungan.

Kaedah pelaksanaan cadangan *joint billing* oleh Ranhill-SAJ dan IWK berasaskan seperti berikut:

- a) Melibatkan akaun IWK yang bersambung dengan loji kumbahan(STP) dan mempunyai akaun tunggal dengan Ranhill SAJ.
- b) Tidak termasuk kawasan MBBJ dan MPPG.
- c) Pengeluaran bil tunggal (Bil Air Ranhill SAJ).
- d) Pembayaran bil hanya kepada Ranhill SAJ sahaja.
- e) Prosedur dan proses kerja pengeluaran bil mengikut kaedah yang dilaksanakan oleh Ranhill SAJ.
- f) Pemotongan bekalan bagi bil tertunggak mengikut WSIA 2006 (Seksyen 88 dan 89) dan polisi yang digunapakai oleh Ranhill SAJ.
- g) Caj perkhidmatan akan dikenakan Ranhill SAJ kepada IWK.

Cadangan "joint billing" adalah melalui satu bil tunggal yang akan dikeluarkan oleh Ranhill SAJ, yang mana bil tersebut menunjukkan pembahagian antara penggunaan air terawat di bahagian atas bil dan caj pemetungan pada bahagian bawah dengan penambakan iaitu mencetak logo IWK bahagian bawah bil tersebut, bagi mengelakkan salah faham dan tanggapan pengguna bahawa Ranhill SAJ telah mengambilalih perkhidmatan pemetungan di Negeri Johor.

Kerajaan Negeri menangguhkan pelaksanaan pengebilan bersepadu oleh Ranhill SAJ dan IWK sehingga perkara-perkara berikut diambil tindakan:

- (i) Kaedah *joint billing* yang akan dilaksanakan tidak akan melibatkan kenaikan tarif IWK dan air terawat kepada pengguna. Caj pemetungan untuk sektor domestik masih kekal iaitu RM8.00 sebulan dan yang membezakan adalah bil dikeluarkan setiap bulan berbanding bil sedia ada IWK dikeluarkan setiap 3 bulan sekali.
- (ii) Pelaksanaan *joint billing* dilaksanakan di Negeri Johor serentak dengan beberapa negeri lain di Semenanjung Malaysia supaya Negeri Johor tidak dijadikan sebagai "pilot project" atau "try and error" untuk

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

mengetahui penerimaan rakyat/ pengguna. Oleh yang demikian, IWK perlu berusaha dengan lebih gigih untuk meyakinkan operator bekalan air dan kerajaan di negeri-negeri lain bagi menerima cadangan pengebilan bersepadu tersebut.

- (iii) Inisiatif dan kempen berhubung cadangan *joint billing* ini dilaksanakan secara menyeluruh bukan sahaja di peringkat kerajaan negeri bahkan turut disertai oleh kerajaan persekutuan, melalui media cetak, media sosial dan lain-lain lagi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 8 (A112)**

Sila menghuraikan persiapan SUKMA 2020 oleh kerajaan Johor dari segi fasiliti, penganjuran acara, logistik/penginapan, pembukaan/penutupan, sukarelawan serta persediaan atlet.

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Kerajaan Negeri pada 29 Oktober 2018 yang lalu telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Induk/Pengelola Sukan Malaysia Ke-20 (SUKMA XX) Johor 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor. Objektif penubuhan jawatankuasa adalah bagi penganjuran SUKMA XX yang kali terakhir diadakan di Johor pada 1992 dan negeri Johor mendapat tempat kedua keseluruhan di belakang negeri Sarawak.

Sebanyak 23 jawatankuasa kecil telah ditubuhkan bagi melancarkan urusan pengelolaan yang menasaskan negeri Johor menjadi penganjur terbaik di dalam sejarah penganjurannya. Jawatankuasa kecil ini berperanan untuk melihat dan mengambil tindakan ke atas semua aspek penganjuran.

Untuk permulaan, kerajaan negeri telah menetapkan cadangan sebanyak 26 jenis sukan yang akan dipertandingkan meliputi 16 sukan wajib dan 10 sukan pilihan. Kerajaan negeri juga telah mengenali venue-venue kejohanan yang bersesuaian yang menepati kehendak teknikal. Sukan yang dicadangkan adalah sebagaimana berikut :

BIL	SUKAN	LOKASI VENUE	STATUS
1	AKUATIK	PUSAT AKUATIK JOHOR, LARKIN	SUKAN WAJIB
2	PELAYARAN	KOMPLEKS RAKAN MUDA AIR DAN UDARA (KRAMSAU), DESARU	
3	KARATE	KOMPLEKS MUTIARA JOHOR LAND BERHAD	
4	PENCAK SILAT	DEWAN SULTAN IBRAHIM, UTHM	
5	WUSHU	DEWAN SERBAGUNA, TAMAN JOHOR JAYA	
6	BERBASIKAL	VELODROM - YOUTH HUB ISKANDAR PUTERI	
7	OLAHRAGA	SPORTS CITY MOUNT AUSTIN	
8	LAWN BOWL	ARENA EMAS, TAMAN IMPIAN EMAS	
9	MEMANAH	ARENA EMAS, TAMAN IMPIAN EMAS	
10	MENEMBAK	SPORTS CITY MOUNT AUSTIN	
11	TENPIN BOLING	DAIMAN BOWL, TAMAN JOHOR JAYA	
12	BOLA SEPAK	UTM/ TUTA/ EDUCITY/ KOMPLEKS MUTIARA JLAND	
13	HOKI	STADIUM HOKI TAMAN DAYA	
14	BADMINTON	LARKIN ARENA	
15	SKUASY	ARENA EMAS, TAMAN IMPIAN EMAS	

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

16	GIMNASTIK	SEK SUKAN TUNKU MAHKOTA ISMAIL	SUKAN PILIHAN
17	ANGKAT BERAT	DEWAN KONVENSYEN EDUHUB PAGOH	
18	SEPAK TAKRAW	STADIUM PERBANDARAN PASIR GUDANG	
19	KANU	TASIK REKREASI SIME DARBY, EDUHUB PAGOH	
20	TINJU	DEWAN MUAFKAT ADDA HEIGHTS	
21	JUDO	DEWAN JUBLI INTAN SULTAN IBRAHIM, MUAR	
22	RAGBI	SPORTS CITY MOUNT AUSTIN	
23	PETANQUE	ARENA EMAS, TAMAN IMPIAN EMAS	
24	BOLA KERANJANG	DEWAN BOLA KERANJANG JOHOR BAHRU, LARKIN	
25	BOLA JARING	INDOOR ARENA, EDUCITY	
26	BOLA TAMPAR	DEWANRAYA MBIP, TAMAN BUKIT INDAH	

Kerajaan negeri juga telah melaksanakan langkah pro-aktif dengan membina kemudahan-kemudahan sukan samada bina baharu, naiktaraf, selenggara ataupun secara sewaan. Semua kemudahan sukan akan dipersiapkan menjelang awal tahun 2020 bagi memberi ruang kepada atlet-atlet negeri Johor berlatih dan menyesuaikan diri dengan venue kejohanan. Perancangan ini akan memberikan banyak kelebihan kepada negeri Johor sebagai tuan rumah pada edisi kali ini dan mensasarkan berada di kelompok 3 teratas juara keseluruhan.

Di antara kemudahan sukan yang dibina baharu adalah :

Bil	Kemudahan Sukan	Lokasi	Sukan
1.	Stadium olahraga	Sports City, Mount Austin	Olahraga dan ragbi
2.	Pusat menembak		Menembak
3.	Arena Emas	Taman Impian Emas	Memanah, lawn bowl, petanque dan skuasy
4.	Velodrom Johor	Youth Hub, Educity	Berbasikal
5.	Pusat Sukan Air Johor	Tasik Rekreasi Sime Darby Eduhub Pagoh	Kanu
6.	Pusat Pelayaran Johor	KRAMSAU, Desaru	Pelayaran
7.	Dataran Bola Sepak MBIP	Educity	Bola Sepak
8.	Larkin Arena	Larkin, Johor Bahru	Badminton

Kemudahan yang dinaiktaraf adalah :

Bil	Kemudahan Sukan	Lokasi	Sukan
1.	Pusat Akuatik Johor	Larkin, Johor Bahru	Renang dan terjun
2.	Dewan Bola Keranjang Johor Bahru	Larkin, Johor Bahru	Bola Keranjang
3.	Stadium Hoki MBB	Taman Daya	Hoki

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

Kemudahan yang akan disewa adalah :

Bil	Kemudahan Sukan	Lokasi	Sukan
1.	Dewan Kompleks Mutiara JLand	Bukit Mutiara	Karate
2.	Dewan Sultan Ibrahim	UTHM	Pencak Silat
3.	Dewan Serbaguna MBBJ	Taman Johor Jaya	Wushu
4.	Daiman Bowl	Taman Johor Jaya	Tenpin Bowling
5.	Dewan SSTMI	Bandar Penawar	Gimnastik dan gimrama
6.	Dewan Konvensyen	EduHub Pagoh	Angkat berat
7.	Stadium Perbandaran	Pasir Gudang	Sepak takraw
8.	Dewan Muafakat Johor	Taman Adda	Tinju
9.	Dewan Jubli Intan	Muar	Judo
10.	Indoor Arena	Educity	Bola Jaring
11.	Dewanraya MBIP	Taman Bukit Indah	Bola Tampar

Kerajaan negeri juga telah memilih Universiti Teknologi Malaysia sebagai lokasi perkampungan sukan yang rasmi kerana menawarkan ruang penginapan yang sangat mencukupi dan kelebihan dari segi logistik yang lain. Di samping itu, terdapat 3 lagi mini perkampungan sukan yang lain iaitu :

- Batu Pahat – UTHM, Parit Raja
- Muar – EduHub Pagoh
- Kota Tinggi – Kolej Professional MARA, Bandar Penawar

Selain itu, kerajaan negeri telah merancang majlis pembukaan/penutup di stadium bersejarah iaitu Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, Larkin jika diizinkan. Stadium ini membawa banyak memori dan kenangan indah sewaktu negeri Johor menjadi tuan rumah temasya SUKMA ke-4 pada 1992. Pemilihan stadium ini juga berasaskan pelbagai faktor yang tidak perlu dipersoalkan lagi kemampuannya.

Pada SUKMA XX dijangkakan sebanyak lebih kurang 2000 orang sukarelawan diperlukan bagi membantu pihak Sekretariat SUKMA. Sukarelawan adalah terbuka kepada semua lapisan masyarakat yang berminat dan borang penyertaan sebagai sukarelawan telah mula diedarkan. Sukarelawan ini akan diberikan kursus dan latihan yang berkaitan bagi membantu melancarkan perjalanan kejohanan.

Persediaan atlet juga sedang giat dilaksanakan setelah selesai temasya SUKMA XIX Perak 2018 yang lalu. Program Titanium telah diperkenalkan untuk atlet-atlet negeri Johor bagi mencapai sasaran pingat yang telah ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB DATUK ZAHARI BIN SARIP (BULUH KASAP)
SOALAN 9 (A221)**

Minta kerajaan menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah kerajaan dengan cadangan pembinaan Rumah Perlindungan Sementara (shelter) di Johor Bahru dan daerah-daerah lain dan bilakah ia bakal dilaksanakan?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Dimaklumkan Kerajaan negeri Johor telah mengambil inisiatif untuk membantu kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan menubuhkan sebuah Rumah Perlindungan Sementara (Shelter) khusus untuk kanak-kanak. Penubuhan Rumah Perlindungan Kanak-kanak (RPPK) Johor merupakan satu inisiatif Kerajaan Johor bagi menempatkan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan. Ia merupakan sebuah pusat jagaan berkediaman yang telah diwartakan sebagai Tempat Selamat di bawah Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan 2016) yang menempatkan kanak-kanak yang telah diabaikan, mengalami penderaan fizikal dan seksual serta bagi kanak-kanak yang telah ditinggalkan waris tanpa pengenalan diri. Rumah Perlindungan Kanak-kanak Johor ini telah ditubuhkan pada tahun 1999 dan masih beroperasi sehingga hari ini. Rumah ini boleh memuatkan 30 orang kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur di bawah 12 tahun. Kemasukan ke institusi ini adalah dibawah perintah mahkamah.

Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan bagi menaiktaraf RPPK Johor bagi meningkatkan kemudahan dan kapasiti penghuni daripada 30 orang menjadi 50 orang pada tahun 2019.

Manakala, Kerajaan Persekutuan juga telah mengambil inisiatif menubuhkan Rumah Perlindungan Sementara iaitu Rumah Kanak-kanak Mini, Ulu Tiram bagi tujuan perlindungan dan penjagaan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 12 tahun. Institusi ini juga telah diwartakan sebagai Tempat Selamat di bawah Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan 2016) dan institusi ini mula beroperasi pada 16 Jun 2015 dengan kapasiti 30 orang kanak-kanak. Institusi ini juga berfungsi untuk memberi perlindungan dan jagaan kepada kanak-kanak yang diabaikan, kanak-kanak yang didera secara fizikal dan seksual serta kanak-kanak yang tiada waris.

Bagi memastikan kesinambungan penjagaan kanak-kanak di pusat perlindungan selepas mereka keluar daripada pusat tersebut, Jabatan bercadang untuk mewujudkan rumah perlindungan sementara dengan kerjasama dan penglibatan NGO bermula pada tahun 2019.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 10 (A73)**

Adakah bangunan kuarters JKR di Jalan Pesta, Bakri akan dirobohkan dan apakah perancangan pihak kerajaan terhadap tanah tersebut?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan (Rumah Kerajaan) Bil.1 Tahun 2017 yang dimesyuaratkan pada 02 Ogos 2017 telah membincangkan berkenaan dengan status Kuarters JKR di Jalan Pesta, Bakri.
2. Dalam mesyuarat tersebut, pengerusi telah dimaklumkan bahawa :
 - Kuarters berkenaan adalah dari perjanjian pihak Syarikat pemaju iaitu syarikat Persona pada ketika itu dalam tindakan memajukan dan mengambil alih tanah di kawasan berkenaan dan menggantikan dengan satu lot kawasan tanah dan didirikan beberapa unit rumah bertingkat. Walau bagaimanapun pentadbiran ini tidak mempunyai rekod berkenaan perjanjian tersebut.
 - Kuarters berkenaan merupakan Rumah Pangsa 4 tingkat, mempunyai beberapa blok dan kesemuanya 64 pintu.
 - Pada ketika itu, kuarters berkenaan adalah di bawah seliaan selenggara oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Muar.
 - Mengikut rekod dari Pejabat Daerah Muar, Kuarters berkenaan pada masa itu pernah diduduki oleh beberapa kakitangan awam dari Pejabat daerah Muar, JKR, dan Majlis Perbandaran Muar.
3. Pada 30 Mac 2017, pentadbiran ini telah menerima permohonan dari Majlis Agama Islam Negeri Johor melalui suratnya bil.()dlm MAINJ () 8/107 bertarikh 12 Mac 2017 yang menyatakan permohonan untuk mengambil alih pengurusan Bangunan Kerajaan di Bawah Seksyen 62 KTN, Bangunan Perumahan Kediaman Kakitangan Kerajaan Daerah Muar.
4. Pihak MAINJ ingin menjadikan bangunan tersebut sebagai penempatan berkelompok Rumah Transit Bantuan Zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor. Melalui surat tersebut pihak MAINJ akan mengambil alih dan menanggung segala baik pulih.
5. Walau bagaimanapun, pihak MAINJ manarik balik permohonan tersebut berikutan kos baik pulih bangunan tersebut dianggarkan RM4 juta.
6. Mulai tahun 2016, segala hal ehwal Rumah Kerajaan yang terdapat di Daerah Muar akan diperuntukkan di bawah Pejabat Daerah Muar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

7. Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan (Rumah Kerajaan) Bil.1 Tahun 2018 yang dimesyuaratkan pada 08 November 2018 telah memutuskan:

- Pentadbiran berpendapat kuarters berkenaan akan dirujuk ke SUK Perumahan untuk dibaikpulih dan akan dijadikan sebagai sewa /beli.
- Perkara tersebut diambilkira berikutan kuarters berkenaan didapati telah lama dikosongkan dan mengundang pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN IR. HAJI KHAIRUDDIN BIN A.RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 11 (A191)**

Masalah peparitan yang tidak terurus telah menyebabkan air bertakung di kebun-kebun dan kampung-kampung di dalam DUN Senggarang. Ini telah menyebabkan tanaman mati serta penduduk mengalami kerugian dan kehilangan punca pendapatan. Apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Masalah air bertakung di kawasan kebun dan kampung boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Terdapat kebun dan kampung yang berada di bawah aras air parit atau sungai yang berdekatan. Apabila berlakunya kejadian hujan, air di kawasan yang rendah ini tidak dapat disalurkan keluar ke parit ataupun sungai disebabkan oleh perkara tersebut. Dalam situasi sebegini, pihak JPS ada menyediakan unit pam bergerak bagi mengurangkan kesan jangka masa panjang. Walaubagaimanapun, bilangan pam yang boleh disediakan adalah terhad dalam satu-satu masa dan tidak mampu untuk menampung keseluruhan masalah yang dihadapi.

Selain daripada itu, punca masalah air bertakung adalah disebabkan oleh sistem saluran yang tidak lancar dan dipenuhi oleh rumput atau tumbuhan air yang tumbuh di dalam parit. Pihak Jabatan telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan untuk membuang tumbuhan tersebut namun dengan kemampuan peruntukan yang sediaada, tidak semua parit dapat diselenggara. Keadaan menjadi lebih teruk sekiranya parit tersebut berada di dalam atau berhampiran dengan kawasan pertanian. Komposisi baja yang digunakan untuk aktiviti pertanian yang dibiarkan mengalir terus ke parit meningkatkan lagi proses pertumbuhan rumput liar di dalam sistem saluran.

Seterusnya, sikap orang ramai yang berada bersebelahan parit yang sewenang-wenangnya membuang sisa-sisa pertanian seperti, tandan kelapa, pelepah kelapa sawit dan sebagainya ke dalam parit memburukkan lagi keadaan kerana ia boleh menghalang pengaliran air.

Pihak kerajaan melalui Jabatan telah mengambil pelbagai tindakan penyelenggaraan untuk mengatasi masalah ini namun ia terus berlaku disebabkan oleh perkara yang dinyatakan tadi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 12 (A79)**

Elaun bulanan Ahli Majlis sebanyak RM900 adalah sangat rendah, tidak setimpal dengan tugas berat yang dilaksanakan. Mohon kaji semula jumlah elaun yang diberikan agar ianya seimbang dengan tanggungjawab yang digalas bagi mengelakkan ketirisan.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) - Ahli majlis Perenggan (9) -

“Setiap seorang Ahli majlis dan seseorang yang dilantik ke sesuatu jawatankuasa di bawah seksyen 28 hendaklah dibayar gaji atau boleh dibayar elaun mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri”.

Untuk makluman, kadar elaun tetap dan ‘sitting allowance’ Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor telah beberapa kali dikaji dan diluluskan kenaikannya bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa serta kemampuan kewangan setiap PBT. Kali terakhir Kerajaan Negeri menyemak dan meluluskan kenaikan kadar bagi kedua-dua elaun tersebut adalah pada tahun 2015 sepertimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 7.1.2015 (RM. Bil. 76/2015) sebagaimana jadual berikut:-

Elaun Tetap:

Bil	Taraf PBT	Kadar Tahun 2010	Jumlah Kenaikan	Kadar Baru (Tahun 2015)
1.	Bandaraya	700.00	200.00	900.00
2.	Perbandaran	600.00	100.00	700.00
3.	Daerah	500.00	100.00	600.00

‘Sitting Allowance’:

Bil	Taraf PBT	Kadar Tahun 2000	Kenaikan (RM)	Kadar Baru (Tahun 2015)
1.	Bandaraya	30.00	20.00	50.00
2.	Perbandaran	25.00	15.00	40.00
3.	Daerah	25.00	15.00	40.00

*Kekerapan mesyuarat maksimum 10 kali sebulan

Kerajaan Negeri juga ada bagi beberapa kemudahan-kemudahan tambahan seperti Kurniaan Tambang Haji Percuma bagi penganut Islam dan Pengeculian Bayaran Letak Kereta.

Kerajaan Negeri akan memperhalusi cadangan kenaikan elaun seperti yang diusulkan oleh Ahli-Ahli yang berhormat sebagai mengiktiraf kepentingan dan sumbangan ahli-ahli majlis dalam meningkatkan sistem penyampaian PBT khusus di kawasan bandar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

Justifikasi semakan semula kadar ini akan mengambilkira peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap ahli majlis di dalam bidang perancangan dan pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang semakin mencabar, memandangkan pelantikan seseorang ahli majlis adalah bertujuan untuk membantu PBT di dalam membuat dasar, merancang dan mengawasi pelaksanaan program pembangunan di peringkat PBT.

Namun begitu, selain daripada kemampuan kewangan PBT, pelarasan semula elaun ini juga perlu mengambilkira prestasi kerja Ahli-Ahli Majlis. Mereka harus terlebih dahulu membuktikan kebolehan masing-masing mewakili kepentingan masyarakat setempat di kawasan PBT seterusnya memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 13 (A154)**

Minta nyatakan langkah-langkah kerajaan bagi memastikan projek baik pulih sekolah dilaksanakan mengikut piawaian dan untuk memastikan keselamatan pelajar diutamakan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Kementerian Pendidikan Malaysia sangat menekankan kepada faktor keselamatan bangunan sekolah dan faktor yang menjejaskan Pembelajaran dan Pemudahcara (PdPC) dalam bilik darjah. Antara langkah kerajaan bagi memastikan projek baik pulih sekolah dilaksanakan mengikut piawaian dan keselamatan pelajar ialah:

1. KPM melalui JKR telah mengenalpasti bangunan yang uzur/daif dan telah membina bangunan baharu bagi menggantikan bangunan yang uzur/daif tersebut di negeri Johor melibatkan 5 buah sekolah pada tahun 2017 dan 17 buah sekolah lagi pada tahun 2018. Bagi tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia, terus fokus pembinaan sekolah/bangunan daif ini seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019 dimana RM100 juta untuk pembinaan semula sekolah daif di seluruh negara. (Cadangan JPN Johor ke KPM melibatkan 80 buah sekolah bagi tahun 2019).
2. Penyelenggaraan, baik pulih dan naik taraf sekolah berdasarkan kepada aduan yang diterima dari pihak sekolah dan semakan keutamaan skop kerja yang disyorkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) / Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR). Setelah membuat semakan terhadap syor-syor daripada jabatan/agensi tersebut, KPM menyalurkan peruntukan kepada sekolah terlibat.
3. Bagi kerja-kerja penyelenggaraan/baik pulih/naik taraf, Skop Kerja terperinci disediakan oleh Penolong-penolong Jurutera berpandukan Jadual Kadar Harga (JKH) JKR dan amalan kejuruteraan yang ditetapkan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 14 (A102)**

Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan pembinaan Rumah Mampu Milik di kawasan Tiram? Jika ada, maklumkan lokasinya.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, bagi projek yang sedang dilaksanakan di kawasan Tiram adalah seperti berikut:

Bil	Pemaju	Nama Taman	Status Pembinaan	Tahun Siap	Jumlah Unit
1	Crescendo Development	Bandar Cemerlang	60%	2020	324

Manakala bagi projek di dalam status Kebenaran Merancang tetapi masih belum ada kemajuan di tapak pembangunan adalah seperti berikut:

Bil	Pemaju	Nama Taman	Status Pembinaan	Tahun Siap	Jumlah Unit
1	Meridian East Sdn Bhd	Taman Bestari Perdana	KM (2014 -Pind. 2016)	RIZAB	2,870
2	Tentu Teguh Sdn Bhd	Taman Sri Albion	KM (2014)	RIZAB	803
3	Grand View Realty Sdn Bhd	Taman Denai Alam	KM (2014)	RIZAB	263
4	KPRJ Jauhar Sdn Bhd	Nama Belum Ditetapkan	KM (2004 -Pind. 2017)	RIZAB	576
5	Medini Heritage	Nama Belum Ditetapkan	KM (2016)	RIZAB	218
6	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	Taman Seroja	KM (2007 -Pind. 2017)	RIZAB	159
7	Cahaya Bumimas Sdn Bhd	Bandar Layangkasa	KM (2006 -Pind. 2015)	RIZAB	1,255

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

Bil	Pemaju	Nama Taman	Status Pembinaan	Tahun Siap	Jumlah Unit
8	Keck Seng (M) Bhd	Taman Tanjung Puteri Resort	KM (2013)	RIZAB	3,828
9	Bayumaju Development Sdn Bhd	Taman Cahaya Masai	KM (2004)	RIZAB	374
Jumlah Keseluruhan					10,346

Melalui Jawatankuasa Taskforce Perumahan Negeri Johor, kerajaan akan terus memantau dari semasa ke semasa projek-projek pembangunan perumahan mampu biaya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 15 (A214)**

Masalah yang dihadapi pada hari ini, jalan-jalan yang diturap mudah rosak. Adakah pihak JKR menemui kaedah baru bagi mengatasi masalah ini memandangkan kenderaan yang melalui jalan-jalan pada hari ini berbeza dari segi jumlah kenderaan ataupun saiz berbanding 20 atau 30 tahun yang lalu.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Di antara punca jalan yang diturap mudah rosak adalah disebabkan kenderaan yang melalui jalan tersebut melebihi had muatan yang dibenarkan. Pada masa ini, pihak JKR melaksanakan kerja-kerja pembaikan dengan kaedah 'cold in place recycling (CIPR). Selain dari itu, kaedah Fiber Mastic Asphalt (FMA) serta Rubberized asphalt concrete (RAC) masih dalam tempoh kajian dan percubaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 16 (A175)**

Apakah rancangan kerajaan untuk menaik taraf bangunan lama Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat telah menerima bangunan baru 6 tingkat melalui Projek Rancangan Malaysia Ke-9 dan telah beroperasi pada tahun 2012. Bangunan ini dilengkapi Dewan Bedah, Jabatan Kecemasan dan Trauma, 6 Wad, 10 katil ICU, Tabung Darah, Makmal, CSSD, Jabatan Radiologi dan Unit Hasil. Pertambahan bangunan baru ini menjadikan jumlah keseluruhan katil di hospital ini adalah sebanyak 516 buah di mana 314 katil di bangunan lama (Blok A) dan 202 katil di bangunan baru (Blok B).

Selain itu, Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat juga turut menerima Projek Menaiktaraf Sistem Penghawa Dingin Berpusat di bangunan lama (Blok A) di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 melalui Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Projek ini bermula pada 31 Oktober 2018 sehingga 24 Disember 2019.

Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat turut merancang untuk menaiktaraf bangunan haemodialisis dan telah menerima sumbangan daripada pihak Permodalan Nasional Berhad berjumlah RM 700,000.00 bagi tujuan menaiktaraf prasarana di Unit Hemodialisis, Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor semasa Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) pada bulan April 2018. Sumbangan ini melibatkan naiktaraf prasarana dan tidak termasuk kelengkapan peralatan perubatan haemodialisis. Pihak hospital akan membuat permohonan bagi mendapatkan sumbangan peralatan haemodialisis daripada badan-badan kerajaan yang lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB PUAN NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 17 (A116)**

Adakah kerajaan bercadang mengurangkan kadar cukai harta kategori perumahan, perumahan rizab Melayu, dan perumahan kos rendah di negeri ini bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor telah diarahkan untuk melaksanakan penilaian semula melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada 29 Mei 2013. tujuan penilaian semula dilaksanakan adalah kerana pihak berkuasa tempatan masih menggunakan senarai nilai dan peratus kadar cukai yang terlalu lama dan tidak menggambarkan nilai pasaran hartanah semasa.

Di dalam pelaksanaan eksais penilaian semula ini Pihak Berkuasa Tempatan Johor telah berjaya menguatkuasakan senarai nilai dan kadar cukai baru sebagaimana berikut :

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Tarikh Kuatkuasa
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) Majlis Perbandaran Kluang (MPK)	1.1.2014
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP)	1.7.2014
3.	Majlis Perbandaran Muar (MPM) Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) Majlis Daerah Pontian (MDP) Majlis Daerah Tangkak (MDT) Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR) Majlis Daerah Segamat (MDS) Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) Majlis Daerah Mersing (MDM)	1.1.2015
3	Majlis Daerah Labis (MDL)	1.7.2016
4	Majlis Perbandaran Kulai telah menggunakan senarai nilai dan peratus kadar baru berkuatkuasa 1.1.2011 berdasarkan aras nilai 2008 dan telah melaksanakan penilaian semula	dijangka 1.1.2020

Bagi tahun 2019, kerajaan negeri telah bercadang untuk mengarahkan PBT melaksanakan penilaian semula bagi pegangan bercukai di kawasan masing-masing.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

Ini adalah selaras dengan kehendak Seksyen 137 (3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang menghendaki senarai nilai disediakan dan disiapkan sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan:-

1. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menyebabkan suatu senarai nilai bagi segala pegangan yang tidak dikecualikan daripada pembayaran kadar disediakan mengandungi –
 - a. nama jalan atau tempat di mana pegangan itu terletak
 - b. perihal pegangan itu sama ada dengan nama atau nombor yang cukup untuk mengenalinya
 - c. nama pemunya dan penduduknya, jika diketahui
 - d. nilai tahunan atau nilai tambah pegangan itu
2. Senarai nilai itu bersama dengan pindaan yang dibuat di bawah seksyen 144 hendaklah terus lagi berkuat kuasa sehingga ia digantikan dengan suatu senarai nilai baru.
3. Sesuatu senarai nilai baru yang mengandungi butir-butir yang sama seperti dalam subseksyen (1) hendaklah disediakan dan disiapkan sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh pihak berkuasa negeri.

Kerajaan Negeri mengarahkan semua PBT mewujudkan kategori perumahan yang lebih mendalam seperti Perumahan Kos Rendah, Perumahan Kos Sederhana dan Perumahan Rizab Melayu dalam penilaian semula pada tahun 2019 supaya bantuan yang disalurkan oleh PBT lebih bersasar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 18 (A218)**

Selain daripada penyediaan fasiliti sukan bagi Kejohanan SUKMA 2020. Adakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf atau membaikpulih gelanggang-gelanggang seperti badminton futsal dan sepak takraw di setiap kampung?

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM732,000.00 bagi membuat kerja-kerja selenggara dan baikpulih ke atas 39 buah gelanggang futsal sepanjang tahun 2017 dan 2018.

Pada masa ini, pihak Jabatan Belia dan Sukan negeri dalam proses mengenalpasti gelanggang futsal yang telah rosak dan tidak boleh digunapakai. Bagaimanapun, JBS bercadang menyerah urus tadbir 246 gelanggang kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pemilik tanah. Cadangan awal JBS adalah untuk menyerahkan sekurang-kurangnya dua buah gelanggang kepada setiap PBT di negeri ini.

Selain itu, KBS juga telah memperuntukkan sebanyak RM40,000.00 bagi tujuan kerja-kerja pembersihan di empat (4) buah Kompleks Sukan Komuniti (Serom, Kundang Ulu, Lok Heng dan Bandar Penawar) yang turut mempunyai kemudahan seperti gelanggang badminton dan sepak takraw.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 19 (A101)**

Adakah rancangan-rancangan untuk memajukan kawasan Tanjung Langsung dan Kong Kong sebagai pusat pelancongan diteruskan? Dan apakah perkembangan?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan negeri melalui Majlis Perbandaran Pasir Gudang sememangnya mempunyai perancangan untuk memajukan kawasan Tanjung Langsung dan Kong Kong sebagai salah satu destinasi eko-pelancongan yang menarik untuk dikunjungi oleh para pelancong domestik dan antarabangsa.

Antara perancangan tersebut adalah meningkatkan kemudahan pelancongan, menambah baik keindahan dan keceriaan di kawasan tersebut, membangunkan pusat makanan laut, mengadakan aktiviti memancing, mengadakan aktiviti menyusuri sungai, menaik taraf ladang buaya dan sebagainya.

Untuk makluman, pada masa kini Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) masih meneruskan rancangan tersebut dan pada masa yang sama juga akan membuat kajian semula bagi menambah baik rancangan-rancangan yang telah dirangka.

Untuk makluman juga, pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) kini di dalam peringkat cadangan penyediaan Pelan Induk Pelancongan Pasir Gudang yang melibatkan kawasan Pasir Gudang, Sungai Tiram dan Kong Kong. Pelan ini bertujuan untuk membangunkan industri pelancongan Pasir Gudang dengan lebih agresif dan berdaya saing.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 20 (A133)**

Apakah inisiatif-inisiatif khas kerajaan dalam membantu rakyat dan industri keseluruhannya didalam merebut dan menyokong pertumbuhan sumber ekonomi baru global seperti e-sport dan e-business yang tiada sempadan masa dan fizikal.

JAWAPAN YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Bagi menyokong pertumbuhan e-business dalam kalangan rakyat, pihak Digital Johor Sdn Bhd (DJSB) sedang bekerjasama dengan Telekom Malaysia Berhad untuk membangunkan satu platform aplikasi perkhidmatan yang dinamakan "**Johor Application and Services Solution**" (JASS).

JASS merupakan satu platform yang membolehkan semua aplikasi e-perkhidmatan dan e-perniagaan untuk negeri Johor dimasukkan dalam satu tempat. Ianya boleh dimuat turun ke telefon bimbit yang akan membolehkan usahawan-usahawan di Johor meletakkan aplikasi mereka di satu platform bersepadu selain berfungsi sebagai tempat terbaik bagi memasarkan produk dan perkhidmatan mereka secara digital yang mana ia sekaligus berpotensi memasarkan produk dan perkhidmatan usahawan-usahawan di Johor secara lebih meluas.

Untuk makluman Yang Berhormat, eSport merupakan salah satu bidang yang boleh diletakkan di bawah bidang ekonomi kreatif. Justeru, beberapa inisiatif akan dikenalpasti pada masa akan datang. Namun demikian, Antara inisiatif- inisiatif yang sedang dan akan dijalankan antaranya :-

1. **Bengkel Pengenalan eSports** di peringkat negeri termasuklah di negeri Johor yang telah dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, dengan izin, dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Persatuan Sukan Elektronik Malaysia dan Kelab Sukan Elektronik Harimau Selatan pada 17 November 2018 bertempat di Sekolah Kebangsaan Taman Megah Ria, Pasir Gudang, Johor.

2. **The Academy Of Esports (AOES) di Medini, Nusajaya** yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Akademi ini memberi tumpuan kepada pendidikan yang berkaitan dengan industri eSports dengan mengendalikan satu set program tertentu yang disesuaikan bagi meningkatkan tahap eSports Malaysia.

3. **Empat (4) siri pertandingan Johor eSport Fifa19 Challenge** telah dan akan diadakan oleh Sports Johor dengan kerjasama sebuah syarikat tempatan iaitu ConsoleWar.

Selain itu, dalam Belanjawan 2019 yang dibentangkan pada 2 November 2018 di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia yang lalu, **Kerajaan memperuntukkan RM10 juta kepada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)** untuk membangun

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

dan menggalakkan eSports sebagai suatu aktiviti yang diminati oleh golongan anak muda serta industri yang melibatkan jurutera perisian dan pemaju permainan digital.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 21 (A158)**

Adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan pembelajaran STEM ke peringkat akar umbi masyarakat?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Dalam PPPM 2013-2015, KPM telah menggariskan 3 perkara berikut untuk menangani cabaran dan isu dalam pendidikan STEM.

1. Meningkatkan minat murid melalui pendekatan PdP yang baharu dan pemantapan kurikulum
2. Meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru
3. Meningkatkan kesedaran murid dan orang awam

Di peringkat KPM, antara aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman STEM di peringkat akar umbi adalah :

1. Kempen melalui media sosial dan media massa.
2. Menganjurkan karnival/ ekspo/ pameran STEM di setiap negeri, seperti Kolokium Pendidikan STEM (Negeri Johor telah menganjurkan Kolokium Pendidikan STEM pada tahun 2017, di mana antara pesertanya adalah di kalangan ketua-ketua masyarakat, wakil PIBG dan ibubapa)
3. Pembangunan Indeks STEM di kalangan guru, murid dan ibubapa akan dilaksanakan pada tahun 2019 oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, BPPDP untuk mengetahui sejauh manakah kefahaman dan kesedaran mereka terhadap Pendidikan STEM.

Kerajaan Negeri Johor bersama-sama dengan JPN Johor telah melaksanakan program pendidikan dan kemahiran STEM di kalangan guru-guru sekolah menengah pada tahun 2017 melalui Program STEM-J, yang mana program ini berjaya melatih seramai 1112 orang guru dengan kemahiran STEM (44 Jurulatih dan 1068 guru sekolah menengah)

Perancangan Kerajaan Negeri pada tahun 2019 adalah untuk memperluaskan pendidikan STEM di kalangan guru-guru sekolah rendah dan juga murid-murid sekolah menengah (terutamanya murid menengah rendah). Usaha ini merupakan usaha yang berterusan untuk memastikan bahawa Pendidikan STEM dapat disebarluaskan ke semua peringkat pendidikan bermula di peringkat sekolah rendah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 22 (A21)**

Seperti mana yang diketahui status tanah Felda adalah dalam kawasan GSA (Group Settlement Areas). Status tanah ini menyukarkan peneroka atau generasi kedua untuk membuat pinjaman bagi membina rumah kedua. Apakah pendekatan Kerajaan Negeri untuk mempermudah proses pinjaman bagi tujuan tersebut.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Status tanah Felda adalah di bawah akta GSA yang mengawal penggunaan tanah dalam kawasan rancangan. Namun begitu, bagi lot rumah yang telah diluluskan permohonan untuk membatalkan seksyen 4 dan seksyen 6 perlulah dibuat di Pejabat Tanah Daerah. Kuasa meluluskan pembatalan warta adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dengan diluluskan oleh Menteri dan Felda hanya menyokong permohonan.

Setelah seksyen 4 dan seksyen 6 dibatalkan, permohonan dari Generasi ke 2 boleh membuat permohonan pinjaman dari mana-mana agensi kewangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 23 (A215)**

Kebanyakan kilang-kilang dibina dikawasan-kawasan yang bukan diwartakan sebagai kawasan industri. Adakah pihak Kerajaan melalui pihak Berkuasa Tempatan memantau kewujudan kilang-kilang haram ini? Bagaimana cara penyelesaiannya? Nyatakan bilangan kilang-kilang haram yang telah dikenalpasti.

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Adalah dimaklumkan bahawa 'Kilang tanpa kebenaran atau kilang haram' boleh didefinisikan seperti berikut:

- I. Kilang yang dibina di atas tanah milik yang dikategorikan sebagai pertanian (syarat nyata tanah belum diubah) dalam zon pertanian atau selain daripada zon industri sebagaimana yang ditetapkan oleh Rancangan Tempatan Daerah (RTD) yang diwartakan;
- II. Kilang yang beroperasi tanpa kelulusan teknikal ubahsyarat, kebenaran merancang, pelan bangunan dan lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan;
- III. Kilang yang beroperasi di premis bangunan kediaman atau bangunan perniagaan; dan
- IV. Kilang yang dibina di atas tanah kerajaan tanpa izin (setinggalan).

Satu jawatankuasa bagi Program Pemutihan Industri dalam Negeri Johor telah ditubuhkan di mana YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Johor dilantik sebagai pengerusi kepada jawatankuasa tersebut selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Bil 1/2008 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 21 Julai 2008.

Terdapat 709 industri yang telah terlibat dalam kajian pemutihan industri yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor pada tahun 2008 dan terdapat 3 tindakan utama yang dibuat iaitu:

- i. Dibenarkan dengan syarat.
- ii. Dicadangkan dipindahkan atau penempatan semula
- iii. Pengezonan semula (melalui proses pengubahan RTD).

Pekeliling Jawatankuasa Perancangan Negeri Bil 1 Tahun 2010 telah dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada semua PBT dan Pentadbir Tanah Daerah mengenai garis panduan bagi tindakan pemutihan industri yang bercanggah/tiada kaitan dengan zon industri berdasarkan RTD yang telah diwartakan.

Dari segi perancangan, Kajian RTD yang disediakan bagi tiap-tiap daerah dalam Negeri Johor juga telah menetapkan kawasan-kawasan yang dizonkan untuk

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

perindustrian bagi membantu PBT dalam membuat penentuan kawasan yang dibenarkan untuk perindustrian dijalankan.

PLANMalaysia@Johor tidak terlibat dalam proses pendaftaran kilang-kilang yang beroperasi. Walau bagaimanapun, sekiranya kerajaan berpandangan untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi tujuan pemantauan kilang-kilang tersebut, jabatan boleh membantu dalam memberikan maklumat berkaitan kawasan-kawasan perindustrian yang telah ditetapkan sebagaimana dalam RTD yang diwartakan.

Dalam menangani kegiatan kilang-kilang haram yang masih beroperasi dalam kawasan pentadbiran PBT, beberapa kaedah dan strategi diatur antaranya :

- a) Melalui penyediaan Kajian Semula Rancangan Kawasan Khas (RKK) Perindustrian bagi mengenalpasti mekanisme yang bersesuaian untuk menangani isu kilang haram;
- b) Pengezonan kepada zon industri bagi lot-lot kilang haram yang berpotensi misalnya di kawasan Kempas Banjaran yang terlibat dalam Kajian Semula RKK Perindustrian;
- c) Pemantauan bersepadu dilaksanakan bersama pihak agensi terlibat melalui mesyuarat Sekretariat Pembangunan Industri (SPI) yang dilaksanakan setiap 3 bulan sekali;
- d) Tindakan penguatkuasaan bersepadu dilaksanakan secara berkala;
- e) Forum dan dialog dari masa ke semasa bersama pengusaha agar tiada sebarang kacauganggu kepada penduduk setempat;
- f) Pembangunan kawasan perindustrian baru bagi penempatan kilang-kilang haram.

Usaha-usaha yang sewajarnya ini telah dirangka dan dilaksanakan oleh semua PBT bagi memenuhi tanggungjawab kepada masyarakat untuk membentuk kehidupan yang sejahtera dan berkualiti.

Pada tahun 2018, dianggarkan sebanyak 1101 buah kilang yang dikategorikan sebagai 'kilang haram' di seluruh negeri Johor dan pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut :

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

Bil	PBT	Jumlah Kilang Haram/buah
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	186
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	11
3.	Majlis Perbandaran Muar	300
4.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	256
5.	Majlis Perbandaran Kluang	155
6.	Majlis Perbandaran Kulai	7
7.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	15
8.	Majlis Perbandaran Segamat	28
9.	Majlis Daerah Tangkak	53
9.	Majlis Daerah Yong Peng	20
10.	Majlis Daerah Simpang Renggam	-
12.	Majlis Daerah Labis	-
13.	Majlis Daerah Pontian	64
14.	Majlis Daerah Kota Tinggi	42
15.	Majlis Daerah Mersing	-
JUMLAH		1101

Kilang-kilang ini telah diberikan Notis dibawah peruntukan seksyen 18 dan 19, Akta Perancangan Bandar & Desa 1976, (Akta 172). Peruntukan kesalahan ini melibatkan Penggunaan Tanah & Bangunan Yang Tidak Menurut Rancangan Tempatan mengikut seksyen 18, dan juga kesalahan melibatkan Larangan Mengenai Pemajuan Tanpa Kebenaran Merancang mengikut seksyen 19, Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 (Akta 172).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 24 (A174)**

Mengapakah jalan susur Starbuck Batu Pahat tidak ditutup secara kekal, memandangkan ia akan mendatangkan ancaman kepada pengguna jalan raya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Jalan susur Starbuck Batu Pahat, iaitu di Jalan Tan Swee Hoe, tidak ditutup secara kekal kerana permasalahan ini telah pun dirujuk kepada ulasan Juru audit Keselamatan Jalan (RSA).

Bukaan jalan susur keluar tersebut dibenarkan dengan syarat menyediakan mitigasi keselamatan sebagaimana berikut dilaksanakan :-

- i- Hanya kenderaan ringan sahaja (kereta) dibenarkan, maka palang (had ketinggian) hendaklah dipasang.
- ii- Kenderaan tidak dibenarkan membelok ke kanan (Ke arah Batu Pahat) kerana 'weaving' tidak mencukupi, maka papan tanda hendaklah di pasang agar tiada kenderaan di benarkan membelok ke kanan selain menghala ke Ayer Hitam.
- iii- Jalur Rentas Kuning 'Yellow Tranverse Bars' hendaklah disediakan bagi mengurangkan halaju kenderaan yang datang daripada arah Jalan Tan Swee Hoe

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB DATO' SH. AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 25 (A123)**

Bagaimana Program i-SURI boleh menjamin masa depan wanita khususnya ibu tunggal dan berapa ramai ibu tunggal yang telah membuat caruman?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Program i-SURI merupakan program yang bertujuan membolehkan surirumah berpeluang menikmati sekuriti sosial yang berkualiti dan meningkatkan sekuriti pendapatan yang akan dilaksanakan dalam tiga fasa.

Sebagaimana sedia maklum fasa satu telah bermula pada 15 Ogos 2018. Menurut KWSP, suri rumah, balu dan ibu tunggal yang profil mereka didaftarkan di Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (eKasih) boleh menyertai i-Suri dan membuat caruman minimum RM5 setiap bulan ke akaun simpanan persaraan mereka bagi melayakkan menerima insentif kerajaan RM40 setiap bulan yang dimasukkan ke akaun KWSP masing-masing.

Kerajaan berhasrat memastikan kebajikan orang ramai. Bagaimanapun, setiap rakyat perlu menunjukkan kesungguhan untuk meningkatkan taraf hidup, Sumbangan minimum RM5 setiap bulan di bawah program ini mewakili komitmen daripada orang ramai dan pada masa sama menyemai sifat suka menabung untuk masa hadapan.

Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) telah diberi tanggungjawab sebagai agensi penyelarasan di peringkat Negeri Johor dalam melaksanakan Program i-SURI. Satu Mesyuarat penyelarasan telah diadakan oleh KWSP dan kini YPKDT sedang dalam proses pengumpulan data dan semakan Ibu Tunggal dan wanita berpendapatan rendah/miskin. Pelarasan maklumat di Negeri Johor ini akan melibatkan pelbagai agensi yang terlibat iaitu antaranya Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Pejabat-Pejabat Daerah dan Pejabat Pembangunan Negeri Johor.

Berdasarkan data Ibu Tunggal YPKDT, seramai 14,205 orang Ibu Tunggal telah berdaftar dan sehingga kini YPKDT sedang mengambil tindakan dengan membuat "follow up" agar Ibu Tunggal tidak ketinggalan dalam membuat caruman tersebut. Menurut data yang telah dikeluarkan oleh KWSP, dari program i-SURI ini dilancarkan iaitu pada 15 Ogos 2018 sehingga kini, di Negeri Johor hanya 833 orang sahaja yang telah mencarum.

Kerajaan Negeri akan terus menggerakkan agensi yang berkaitan untuk membantu golongan sasaran ini bertindak serta mengambil peluang terhadap kemudahan yang ditawarkan serta inisiatif yang bangunkan demi kesejahteraan hidup rakyat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 26 (A58)**

Minta penjelasan persediaan Johor untuk penganjuran Sukma Johor 2020. Nyatakan perancangan yang telah diatur dan pelaksanaan kerja yang telah berjalan. Berapakah anggaran bajet penganjuran Sukma Johor 2020. Nyatakan bajet yang telah diluluskan 2018 dan cadangan diluluskan 2019.

JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR

Sukan Malaysia (SUKMA) adalah satu acara sukan peringkat kebangsaan di bawah anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia, Majlis-Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Universiti Malaysia dan Majlis Sukan Polis Diraja Malaysia. Kejohanan SUKMA merupakan kejohanan temasya terbesar dan berprestij di Malaysia di mana ianya dipertandingkan secara dwi-tahunan dan diadakan berselang-seli dengan Sukan SEA bagi tujuan mencungkil bakat-bakat baru atlet yang berpotensi tinggi untuk mewakili negara.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa ini pihak sekreteriat sedang giat melaksanakan urusan penyediaan infrastruktur bagi venue-venue pertandingan dan telah mengenalpasti venue yang perlu dinaiktaraf, kaedah sewaan dan bina baru. Untuk makluman, terdapat 3 venue akan dinaiktaraf, 12 venue sewaan dan 11 venue bina baru.

Selain daripada itu juga, bagi mengerakkan sekreteriat, pihak sekreteriat telah membuat penstrukturan semula carta organisasi bagi tahun 2019 dengan menambah bilangan perjawatan samada perjawatan secara pinjaman, kontrak, tidak sepenuh masa ataupun sambilan berdasarkan kepada keperluan standard dalam penganjuran SUKMA selaku tuan rumah. Dijangkakan antara 50 – 60 jumlah perjawatan diperlukan bagi melancarkan operasi sekreteriat. Pengisian jawatan ini telah dibuat secara lantikan kontrak (*Contract For Services*) atau pinjaman bagi pegawai tetap tertakluk kepada skim perkhidmatan, pekeliling, surat dan kelulusan kerajaan negeri yang berkuat kuasa dari masa ke semasa, manakala lantikan tidak sepenuh masa dibayar elaun secara pukal.

Pihak sekreteriat juga telah melaksanakan satu mesyuarat Jawatankuasa Induk yang telah dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 29 Oktober 2018 yang lepas yang bertujuan bagi pengagihan kerja kepada semua jawatankuasa yang telah dilantik agar penganjuran SUKMA XX Johor 2020 dapat berjalan dengan baik. Pihak sekreteriat juga bercadang untuk mengadakan satu bengkel penyelarasan kepada semua jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dilantik pada 9-10 Januari 2019 yang bertujuan untuk membentangkan SOP kerja bagi setiap jawatankuasa agar mereka mengambil maklum peranan dan fungsi bagi setiap jawatankuasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kos anggaran keseluruhan bagi penganjuran SUKMA XX Johor 2020 adalah berjumlah RM 470,950,000.00 yang mana pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

- | | |
|-------------------------------------|-------------------|
| • Kos Pengelolaan | RM 98,400,000.00 |
| • Kos Pembangunan Pembangunan Sukan | RM 366,550,000.00 |
| • Kos Penganjuran Sukan PARA | RM 6,000,000.00 |

Dari jumlah keseluruhan RM 470,950,000.00 ini, Kerajaan Negeri akan memohon peruntukan dari Kerajaan Persekutuan sebanyak RM 255,950,000.00. Peruntukan yang dipohon telah mengambil kira pelbagai faktor disamping langkah berjimat cermat serta berhemah.

Pihak sekretariat juga telah mengenalpasti Logo, Maskot dan Tagline' untuk SUKMA XX Johor 2020 dan pemilihan lagu masih dalam proses pembinaan lirik lagu dan senikata yang dipertanggungjawabkan kepada Yayasan Warisan Johor (YWJ).

Dari segi peruntukan tahun 2018, pihak sekretariat telah menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri sebanyak RM 926,000.00. Dan anggaran permohonan peruntukan kepada kerajaan pada 2019 adalah berjumlah RM 9,568,000.00

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 27 (A210)**

Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu memajukan Pekan Yong Peng sebagai Fruit International Trade Centre (YPFITC)?

JAWAPAN JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Melihat kepada lokasi Yong Peng yang strategik di mana ia berdekatan dengan Lebuhraya Utara Selatan dan mempunyai kemudahan akses jalan raya yang baik menjadikan ianya sesuai untuk di jadikan sebagai YPFITC. Walau bagaimanapun, bagi memajukan pekan Yong Peng sebagai YPFITC, pusat pengumpulan sedia ada di sini perlulah mempunyai fasiliti dan mematuhi standard yang memenuhi standard Antarabangsa (International).

Pihak Jabatan Pertanian ada terlibat di dalam pemeriksaan dan pengeluaran sijil fitosanitasi untuk tujuan eksport di beberapa pusat pengumpulan di Yong Peng dan di dapati pusat pengumpulan buah-buahan yang sedia ada di sini sememangnya berpotensi untuk dibangunkan bagi tujuan ini. Jabatan pertanian komited dalam memberi bimbingan kepada pengusaha-pengusaha yang terlibat terutamanya di dalam aspek teknikal yang telah ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB DATO' IR. SYED SIS BIN SYED A. RAHMAN (TG. SURAT)
SOALAN 28 (A4)**

Bilakah sekolah menengah di Taman Bayu Damai, Pengerang dapat disiapkan dan seterusnya digunakan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Projek pembinaan sekolah menengah baharu bagi SMK Pengerang Utama, Kota Tinggi yang mengandungi 42 Bilik Darjah dan lain-lain kemudahan **dijangka siap pada April 2019 dan beroperasi pada Jun 2019.**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 29 (A178)**

Minta dinyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam membantu warga FELDA dan masyarakat luar bandar bagi menangani isu kejatuhan harga komoditi kelapa sawit dan getah.

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Dasar Pendapatan Minima Peneroka FELDA telah diperkenalkan sejak Mei 1988 iaitu sebanyak RM350 pada ketika itu dan dinaikkan kepada RM600 pada tahun 2000 seterusnya kepada RM1,000 pada tahun 2009. Di bawah dasar ini peneroka tidak dikenakan apa-apa potongan yang berkaitan dengan kos pembangunan kebun sekiranya pendapatan pada sesuatu bulan tidak mencapai pendapatan minimum tersebut setelah ditolak kos operasi kebun dan hutang persendirian. Kos operasi kebun meliputi urusan pengangkutan hasil Buah Tandan Segar (BTS), kos baja (bahan dan upah) serta jalan pertanian. Manakala hutang persendirian terdiri dari hutang kedai, hutang sosio-ekonomi seperti Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka (PPP) dan saham FGV serta caruman hari raya dan caruman tanam semula.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 30 (A62)**

Apakah perkembangan perancangan dan penyelesaian terkini bagi isu pusat pelupusan sampah di Jalan Cep, Renggam yang mengakibatkan pencemaran air semasa hujan lebat sekaligus mengganggu loji rawatan air (LRA) Simpang Renggam untuk membekalkan air kepada penduduk di kawasan Simpang Renggam?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Bagi pencemaran air yang sering berlaku Tapak Pelupusan Ladang CEP, Simpang Renggam, ini adalah disebabkan oleh limpahan air leachate yang tidak dirawat. Air ini mengandungi kadar ammonia yang tinggi. Perkara ini berlaku kerana kapasiti loji rawatan leachate (LTP) yang beroperasi sekarang berkapasiti kurang dari yang diperlukan di tapak.

Sehubungan dengan masalah tersebut, pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah mengambil langkah untuk meningkatkan kapasiti LTP ini dari 150m³ kepada 300m³ sehari. Projek penarik tarafan ini telah pun mendapat kebenaran dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Kementerian ini melalui Jabatan Pengurusan Sisa pepejal berharap dengan pelaksanaan projek ini, tiada lagi pencemaran yang akan berlaku di tapak pelupusan dan sekaligus membantu penduduk Simpang Renggam menikmati belakan air yang tidak akan terputus lagi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB DATO' SH. AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 31 (A126)**

Apakah kerajaan negeri bercadang untuk menyediakan geran aktiviti apabila satu jawatankuasa yang akan melibatkan semua NGO dan jabatan kerajaan yang berkaitan dengan wanita serta keluarga ditubuhkan supaya dapat dijadikan platform untuk menjalankan aktiviti pembangunan wanita, keluarga dan kemasyarakatan ke arah kesejahteraan rakyat?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) telah merancang untuk menjalankan kerjasama yang erat dengan NGO-NGO di seluruh Negeri Johor dalam melaksanakan pelbagai aktiviti / program bagi membantu memperkasa peranan dan kebolehpayaan wanita, keluarga dan masyarakat keseluruhannya.

Sepertimana sebelum ini, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim merupakan agensi yang bertanggungjawab menyelaras bagi geran NGO Wanita di Negeri Johor iaitu sebanyak 25 NGO wanita. NGO-NGO ini bertanggungjawab dalam membantu melaksanakan program-program di peringkat akar umbi. Walaubagaimanapun, pemberian geran bantuan mulai tahun 2016 telah diselaras oleh Pejabat Menteri Besar Johor.

Namun kini perlaksanaan dan penglibatan NGO perlu dilihat secara lebih mendalam agar usaha NGO-NGO ini dapat membantu dalam menggerakkan idea, khidmat bakti dalam memberikan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Sehubungan dengan itu, YPKDT sedang menyusun gerak kerja agar jawatankuasa kerja NGO-NGO di Negeri Johor ditubuhkan bagi bersama-sama dalam membantu kerajaan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti kepada kumpulan sasaran dan masyarakat umumnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB PUAN NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 32 (A120)**

Menurut perangkaan 2017 dikeluarkan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, terdapat 15 hektar kawasan penanaman kenaf dan 3 pengusaha aktif di Johor. Adakah kerajaan negeri bercadang menggalakkan penanaman kenaf secara meluas sebagai satu komoditi yang mampu menjadi sumber pertumbuhan ekonomi negeri?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Yang Berhormat DUN Maharani, pada waktu ini, tanaman kenaf lebih tertumpu di negeri-negeri pantai timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang kerana antara matlamat utama kenaf diperkenalkan adalah sebagai alternative bagi menggantikan tanaman tembakau.

Kekangan untuk memperluas kawasan tanaman kenaf di Negeri Johor adalah disebabkan persaingan guna tanah dengan tanaman / komoditi lain seperti kelapa sawit, getah dan nanas yang lebih dominan. Selain itu, kekurangan infrastruktur pemprosesan kenaf berhampiran kawasan tanaman turut membantutkan perkembangan kenaf di negeri ini.

Untuk pelan jangka masa panjang, LKTN (Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara) bercadang mendapatkan tanah di bawah kerajaan negeri bagi membangunkan kawasan tanaman kenaf berkelompok yang turut merangkumi pusat pemprosesan bahan mentah dan pengeluaran produk berdaya maju seperti panel IBS (*Interlocking bricks system*) kenaf untuk industry pembinaan negara. Apabila wujudnya industry hiliran dan pertengahan yang stabil, kawasan tanaman kenaf dijangka berkembang dengan baik bagi memenuhi keperluan industri tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN IR. HAJI KHAIRUDDIN BIN A.RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 33 (A192)**

YAB Menteri Besar telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM14 Juta untuk pembinaan kolam takungan di Sungai Suloh. Bilakah projek ini akan dilaksanakan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pelaksanaan projek pembinaan kolam takungan di Sungai Suloh masih dalam kajian agensi yang berkaitan, sekiranya kajian tersebut telah siap diperhalusi maka projek ini akan dilaksanakan mengikut rencana dan jadual yang ditetapkan dengan mengikut prosedur-prosedur yang lebih telus dan cekap.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN (GAMBAR)
SOALAN 34 (A31)**

Mohon nyatakan perancangan kerajaan negeri Johor untuk merancang pembangunan ekonomi di Wilayah Pembangunan Koridor Johor Utara terutamanya di Daerah Muar dan Tangkak.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sebagaimana yang telah dinyatakan menerusi manifesto Pakatan Harapan, kerajaan negeri akan memberi tumpuan terhadap pembangunan di Wilayah Utara Negeri Johor yang meliputi Daerah Segamat, Muar dan Tangkak.

Bagi menyokong pembangunan di Daerah Segamat, kerajaan negeri telah bersetuju untuk memasukkan Daerah Segamat di dalam kawasan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Ini akan memberikan lebih tumpuan dan anjakan pertumbuhan Daerah Segamat khususnya dalam bidang pertanian dan industri asas tani, pelancongan, perindustrian dan logistik di daerah berkenaan.

Kajian perluasan kawasan industri daerah Segamat fasa dua juga akan dijalankan dalam mengenal pasti projek-projek baharu yang mempunyai impak yang tinggi kepada Ekonomi Wilayah Utara Negeri Johor. Kajian ini merupakan usahasama antara Johor Corporation dengan Pelabuhan Darat Segamat atau lebih dikenali sebagai 'Segamat Inland Port' dengan izin bertujuan memesatkan lagi pembangunan ekonomi di Segamat. Kos kajian akan menelan belanja sebanyak RM1 juta. Manakala pembangunan di Daerah Tangkak akan terus diperkasakan dengan penumpuan di sektor pelancongan yang memanfaatkan keindahan alam semulajadinya.

Bagi merancang lagi pembangunan ekonomi Wilayah Utara Negeri Johor, pihak Johor Corporation juga akan menjalankan kajian bagi membangunkan Taman Perindustrian Bukit Gambir, Tangkak seluas 110 ekar dengan kos kajian sebanyak RM1 juta. Taman perindustrian ini akan menempatkan sebanyak 50 hingga 70 pengusaha Industri Kecil dan Sederhana.

Bagi pembangunan di Daerah Muar, kerajaan negeri akan terus memberikan tumpuan terhadap sektor pembuatan perabot menerusi pembangunan Taman Perabot, Muar dan sektor pendidikan menerusi pembangunan Hab Pendidikan, Pagoh. Selain daripada itu, kerajaan negeri dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Asas Tani akan meneliti potensi untuk menjadikan Daerah Muar dan Segamat sebagai Hab Pengeluaran Lembu Daging terbesar negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 35 (A179)**

Minta dinyatakan peratusan status pelaksanaan manifesto Kerajaan Negeri PH pada PRU-14 dan perincian jumlah penerima manfaat setakat hari ini mengikut pecahan DUN.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Sebenarnya kesemua Manifesto telah berjaya dilaksanakan dengan mengikut jadual yang ditetapkan dalam tempoh masa 100 hari pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan Johor. Pemberian insentif dan pelaksanaan janji diberika kepada semua tanpa mengikut DUN, sama ada dibawah Pembangkang mahupun Pihak Kerajaan. Kita tidak mahu digelar sebuah kerajaan yang “**Selective**” yang hanya menumpukan sesetengah kawasan sahaja.

Sudah tiba masanya pihak disebelah sana dan juga yang menanyakan soalan ini membuka mata dan memasang telinga tentang gerak kerja kami di Kerajaan Negeri dalam melaksanakan janji. Kesemua 10 janji 100 hari telah dilaksanakan dan mencapai 100%.

Pada masa yang sama, ingin saya tegaskan disini kesemua Manifesto dan Insentif yang dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk tempoh 5 tahun juga telah mula dipergiatkan dan dilaksanakan, contohnya, penubuhan Universiti Johor, membangunkan Wilayah Pembangunan Koridor Johor Utara, serta memperbaiki Kualiti dan Rangkaian Pengangkutan Awam di Johor. Setiap inisiatif yang dilaksanakan tidak akan menumpukan sesetengah kawasan sahaja, bukan hanya untuk sesetengah DUN, kesemua inisiatif disampai menyeluruh ke seluruh Johor. Contohnya, seramai 2,500 penyewa terlibat iaitu sebanyak 30% daripada jumlah keseluruhan PPR di seluruh negeri Johor.

Pada masa yang sama, bagi Skim Takaful Warga Emas Negeri Johor (TWENJ) pada peringkat permulaan, sebanyak 200 orang peserta dari setiap DUN dalam Negeri Johor (56 DUN) layak untuk menyertai Skim takaful ini. Borang penyertaan boleh didapati disetiap pejabat DUN masing-masing. Ianya, terbuka kepada semua warga emas negeri Johor yang berumur 60 sehingga 69 tahun, tanpa mengira kaum, agama, mahupun fahaman politik, asalkan menetap di negeri bertuah ini.

Untuk pelaksanaan Manifesto yang selebihnya adalah dilaksanakan dengan mengikut prosedur tanpa mengira DUN, iaitu kepada seluruh Bangsa Johor yang layak dan menepati syarat boleh membuat permohonan bagi inisiatif yang disediakan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh jabatan-jabatan pelaksana.

Setiap pelaksanaan inisiatif akan melalui beberapa proses tapisan tertentu sama ada layak ataupun tidak menerima bantuan dan insentif tersebut. Kerajaan Johor dibawah kepimpinan saya komited dalam melaksanakan semua janji-janji dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah mengikut ketelusan kelayakan yang ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 36 (A98)**

Apakah perkembangan projek pelaksanaan tapak tanah di Tanjung Langsat yang dimaklumkan bagi upacara sembahyang abu jenazah masyarakat Hindu?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pada asalnya tapak yang dipohon adalah PTD 5140 dan telah diluluskan bagi perizaban Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 pada 30.3.2016 tetapi disebabkan kos penambakan tanah yang tinggi berjumlah RM4.9 juta, satu tapak lain yang terletak berhampiran iaitu PTD 5180, Mukim Plentong seluas 1.09 ekar telah dicadang untuk tapak gantian.

Permohonan bagi tujuan tapak upacara terakhir kematian kaum India atas PTD 5180 ini telah dirujuk untuk pertimbangan kerajaan dan Jawatankuasa Hasil Bumi dalam mesyuaratnya pada Ogos 2018 telah menangguhkan kertas pertimbangan ini bagi membolehkan Pengarah Tanah dan Galian Johor bersama YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri Johor menyemak semula permohonan ini.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, tapak ganti yang dipohon ini tidak disokong oleh PlanMalaysia Johor kerana di dalam zon gunatanah perdagangan dan perindustrian. Di samping itu, Perbadanan Johor (JCorp) juga turut tidak menyokong permohonan ini kerana lokasinya berdekatan dengan kargo simpanan minyak dan gas serta bersebelahan dengan pusat servis milik Tanjung Langsat Port Terminal di mana cadangan tapak ini dikhuatiri boleh mengganggu keselamatan dan operasi kawasan industri di Tanjung Langsat ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 37 (A197)**

Mengapa kerajaan negeri belum memberi kelulusan pertukaran status tanah negeri kepada kerajaan persekutuan untuk pembinaan Balai Bomba di Pekan Baru Paloh ?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah membuat permohonan untuk tapak balai bomba ini pada Julai 2018 atas tanah PTD 155 Mukim Bandar Paloh. Pejabat Tanah Kluang dalam tindakan untuk membuat laporan beserta ulasan jabatan teknikal sebelum merujuk kepada Pejabat Tanah Dan Galian Johor dan seterusnya akan membawa permohonan ini untuk pertimbangan kerajaan. Tapak balai bomba di Pekan Baru Paloh adalah tanah kerajaan persekutuan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 38 (A206)**

Johor Corporation terdapat hutang sebanyak RM3 bilion (baki RM2.6 billion dan menanggung kos tahunan sebanyak 98.56 juta) untuk membiayai penstrukturan semula. Sila nyatakan tujuan dan penggunaan yang terperinci penstrukturan ini.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pada Julai 2002, Johor Corporation telah melaksanakan skim penstrukturan pinjamannya di bawah Pelan Induk Penstrukturan Korporat (PIPK) lanjutan kepada Perjanjian Penstrukturan Pinjaman yang dimeterai di antara Johor Corporation, Syarikat-Syarikat Anak dan peminjam-peminjam berkenaan. Di dalam penyusunan semula tersebut, RM4.16 bilion pinjaman-pinjaman telah distruktur semula yang meliputi jumlah RM2.8 bilion untuk Johor Corporation dan RM1.4 bilion bagi Syarikat-Syarikat Anak. Peminjam-peminjam telah juga memberi potongan kepada pinjaman tidak bercagar yang distruktur semula berjumlah RM729.09 juta.

Pinjaman-pinjaman tersebut terhasil adalah untuk pembiayaan projek-projek dan pelaburan-pelaburan yang dilaksanakan oleh Johor Corporation sebagai melaksanakan tanggungjawab penubuhannya seperti yang terkandung di dalam Enakmen Johor Corporation Bil.4 Tahun 1968 (Pindaan No. 5 Tahun 1995) iaitu sebagai agensi pembangunan ekonomi negeri Johor yang turut menjangkau perannya dalam pembangunan fizikal ekonomi tanpa meminggirkan pembangunan sosial negeri dan rakyat Johor.

Penstrukturan semula pembiayaan Johor Corporation kemudiannya telah dilaksanakan pada Jun 2012 melalui Penerbitan Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") berjumlah RM3 bilion, di bawah prinsip Syariah Wakalah Bil Istithmar.

Penstrukturan semula ini adalah bagi tujuan pembiayaan semula pinjaman Johor Corporation berjumlah RM3.48 bilion yang perlu dibayar pada Julai 2012. Ianya terdiri daripada Kemudahan Kredit Pusingan Komited Cara Islam ("KKPKCI") berjumlah RM0.40 bilion, Sijil Bercagar Boleh Tebus ("SBBT") berjumlah RM0.19 bilion dan Bon Cara Islam Boleh Tebus Terjamin ("BIBTT") berjumlah RM2.891 bilion. Manakala bakinya telah dilunaskan pada Ogos 2011 menggunakan sebahagian hasil daripada penjualan asset-aset perladangan Johor Corporation kepada Mahamurni Plantations Sdn. Bhd.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

NJSI telah diterbitkan dalam 3 siri seperti berikut:

Siri	Amaun Prinsipal (RM Juta)	Tempoh (Tahun)	Kadar Pulangan	Tarikh Matang
Siri 1	400	5	3.48%	14 Jun 2017
Siri 2	800	7	3.68%	14 Jun 2019
Siri 3	1,800	10	3.84%	14 Jun 2022
	3,000			

Kekerapan pengagihan jangkaan berkala (“Pembayaran keuntungan”) adalah pada setiap setengah tahunan atau apa-apa kekerapan tempoh lain yang dipersetujui antara Johor Corporation dan Agen Tempahan Bersama (“ATB”) sebelum dari penerbitan setiap NJSI.

Kerajaan Persekutuan Malaysia (“KPM”) telah bersetuju untuk menjamin (tidak boleh ditarik balik dan tidak bersyarat) obligasi pembayaran oleh Johor Corporation di bawah NJSI mengikut Akta Jaminan Pinjaman (Badan Korporat) 1965, yang tertakluk kepada jumlah yang terjamin (yang nilai nominal NJSI dijamin oleh KPM yang tidak melebihi RM3 bilion secara agregat) untuk tempoh 11 tahun dari tarikh terbitan pertama NJSI.

Sebagai pertimbangan peruntukan jaminan oleh KPM, Johor Corporation menjadi sebuah badan korporat yang diisytihar oleh Menteri Kewangan selaras dengan Jaminan Pinjaman (Deklarasi Badan Korporat) (Johor Corporation) Perintah 2012 [P.U(A) 128/2012] telah bersetuju untuk membayar secara tahunan Yuran Jaminan sebanyak 0.10% untuk 5 tahun pertama dan 0.20% untuk tahun ke 6 dan seterusnya berdasarkan NJSI yang masih belum dijelaskan.

Yuran Jaminan kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia telah dijelaskan pada tahun 2012 hingga 2018 berjumlah RM661,268,164.40.

Pada Jun 2017, Siri 1 yang berjumlah RM400 juta telah berjaya dijelaskan.

Johor Corporation telah menunjukkan komitmennya dalam melangsaikan pinjaman yang dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. Pada tahun 2012 sehingga 2017 dengan kadar (0.1% - 0.2%) berjumlah RM 17, 600, 000.00.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 5 DISEMBER 2018**

YB PUAN ZAITON BIN ISMAIL (SG. BALANG)
SOALAN 39 (A15)

Berapakah jumlah kos yang di tanggung oleh kerajaan dengan penjenamaan semula segala program kerajaan seperti jenama bas dan perumahan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri Johor yang bertanggungjawab untuk merancang, membangunkan dan menyelia pengangkutan awam di negeri Johor. Perkhidmatan Bas Harapan Johor merupakan perkhidmatan bas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat.

Tujuan perkhidmatan ini diadakan adalah bagi mengurangkan kos sara hidup warganegara dan memberikan kemudahan serta meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam kepada rakyat di laluan-laluan yang telah dikenalpasti.

Semenjak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan Negeri Johor, Bas Harapan Johor adalah jenama yang telah diberikan nafas baharu bersama-sama dengan rangkaian laluan yang baharu.

Bagi kos penjenamaan semula Bas Muafakat Johor kepada Bas Harapan Johor, kos pertukaran rekabentuk bas (wrapping) dan logo adalah ditanggung oleh pengusaha bas yang dilantik. Risalah – risalah bagi tujuan promosi bas percuma ini juga ditanggung oleh kos operasi oleh pihak pengusaha bas. Dengan penjenamaan semula Bas Muafakat Johor kepada Bas Harapan Johor, kad untuk menaiki bas percuma ini juga akan ditukar kepada rekabentuk yang baru. Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan peruntukkan bagi penjenamaan semula ini.

Walau bagaimanapun, penjenamaan nama bas ini akan diselaraskan semula bagi menjunjung titah DYMM Tuanku Sultan Johor baru – baru ini kepada Bas Muafakat Johor.